

16/09/2001

Azmi hampir buat kejutan tewaskan Reanchai

AZMI Ibrahim hampir melakukan kejutan dalam acara 200 meter tetapi akhirnya tewas dalam photo finish kepada jaguh Thailand Reanchai Seehawong dalamsaingan menarik di Stadium Nasional, Bukit Jalil, semalam.

Sementara itu, Supavadee Khawpeag mengesahkan kedudukannya selaku ratu pecut dengan mengungguli acara wanita dengan catatan rekod baru 23.30s, memadamkan catatan lama 23.37s milik Lydia de Vega dilakukan pada 1993 di Singapura.

Apapun tumpuan semalam kepada acara 200 meter, dengan Azmi yang diletakkan di lorong keenam sekalipun mencatat masa terpanjang di separuh akhir 21.97s - berbanding juara bertahan Reanchai dilorong ketiga - sekali gus kelebihan kepada pelari Thailand itu.

Sebaik permulaan Azmi dan Reanchai membuka langkah sama dan kedua-dua terikat di tempat pertama hingga ke garisan penamat apabila kedua-duanya membongkokkan badan sebaik melintasi garisan.

Pada mulanya, pengacara stadium mengumumkan kemenangan Azmi di hadapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetapi, jelas daripada ulang tayang perlumbaan di layar gergasi, Reanchai tampak lebih dulu mencecah garisan penamat.

Ini disahkan dengan keputusan rasmi dengan Reanchai memenangi emas dengan masa 20.95s, dengan Azmi kedua, 20.97s dan ketiga seorang lagi atlit kebangsaan, R Ganeshwaran, 21.35s.

"Saya sudah memberikan yang terbaik tetapi Tuhan menentukan. Kemenangan pingat perak ini adalah untuk ibu saya (Esa Teh) yang ketika ini tenat dihospital," kata Azmi selepas perlumbaan.

"Ketika tiba di garisan penamat dan Reanchai sama-sama membongkok dan saya rasa saya mempunyai peluang seimbang dengannya untuk memenangi emas dan hanya photo finish menjadi pemutus.

"Tetapi apa yang saya tidak puas hati ialah dengan kedudukan lorong saya. Saya mencatat masa terbaik di peringkat saringan tetapi kenapa saya diletakkan di lorong sebelah luar (lorong keenam), sedangkan Reanchai mendapat lorong ketiga sebelah dalam.

"Berlari dari lorong dalam memberi kelebihan kepadanya sedangkan saya terpaksa berpusing agak jauh dalam 100 meter pertama," kata Azmi.

Manakala Reanchai berkata, dia menghadapi saingan sukar daripada Azmi dalam usahanya mempertahankan emas.

"Mempertahankan tiga emas dimenangi dua tahun lalu di temasya kali ini begitu sukar kerana saingan cukup sengit," katanya.

Bagi Azmi, ini adalah kali kedua dia mencatat bawah 21s, dengan kali pertama dalam saringan kelmarin dengan catatan 20.97s - untuk menjadi hanya pelari kedua selepas Datuk Dr M Jegathesan mencatat bawah 21 saat dalam tempoh 33 tahun.

(END)